

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

FCP 453 Sediaan-Sediaan OTC

Masa: (2 jam)

---

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

1. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

(A) Tujuan menggunakan benzoil peroksida dalam rawatan jerawat (akne) ialah

- .... (a) mengurangkan pengeluaran sebum
- .... (b) melarutkan sebum
- .... (c) membuang keratin yang berlebihan
- .... (d) sebagai satu agen anti-inflamatori

(B) Seorang pesakit mengidap ketuat (wart) venereal berdekatan dengan genitalia. Apakah rawatan yang anda akan syorkan?

- .... (a) sediaan "podophyllum"
- .... (b) sediaan zink klorida
- .... (c) sediaan asid salisilik
- .... (d) menyerahkan pesakit kepada doktor

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

- (C) Yang mana di antara faktor berikut tidak boleh meningkatkan pengeluaran sebum?
- .... (a) Testosteron  
.... (b) Progesteron  
.... (c) Penambahan dalam bilangan dan saiz kelenjar-kelenjar sebaceous per unit luas  
.... (d) Estrogen
- (D) Seorang pesakit mengalami mata yang merah, gatal, menyengat dan merasakan ada benda asing di dalam matanya tetapi tidak merasa sakit dan penglihatannya tidak terganggu. Apakah rawatan paling baik yang anda akan syorkan?
- .... (a) Sediaan dekongestan dan vasokonstriktor  
.... (b) Sediaan anti-infektif misalnya sediaan merkurik  
.... (c) Sediaan zink sulfat  
.... (d) Sediaan analgesik setempat

... 4/-

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(E) Yang mana di antara rawatan berikut tidak boleh disyorkan untuk akne biasa?

- .... (a) Cuci dengan sabun dan air beberapa kali sehari
- .... (b) Gunakan krim berhormon dan antibiotik
- .... (c) Gunakan sabun antibakteria
- .... (d) Gunakan pelarut misalnya alkohol untuk mencuci kulit.

(F) Yang mana di antara keadaan berikut memerlukan seorang ahli farmasi merujuk pesakitnya kepada doktor? Pesakit ini mengalami gangguan kaki seperti korn dan ketuat.

- (i) Pesakit ini juga seorang diabetik.
  - (ii) Pesakit juga mengidap asma.
  - (iii) Pesakit diberikan warfarin.
  - (iv) Pesakit telah merawat sendiri selama jangka-masa yang panjang tetapi masih belum sembah.
- 
- .... (a) Jika (i) sahaja
  - .... (b) Jika (ii) sahaja
  - .... (c) Jika (i), (ii) dan (iii)
  - .... (d) Jika (i), (iii) dan (iv)

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(G) Yang mana di antara pengguna-(pengguna) berikut tidak sepatutnya memakai lensa kontak?

- (i) Wanita "postmenopausal" dengan bintik-bintik kering di atas kornea.
  - (ii) Pesakit glaukoma sudut sempit (narrow angle glaucoma).
  - (iii) Pesakit yang mengidap selsema.
  - (iv) Pesakit tua dengan masalah mata kering.
- .... (a) Jika (i) dan (iii)  
.... (b) Jika (ii) dan (iii)  
.... (c) Jika (i), (ii) dan (iv)  
.... (d) Jika (i), (ii), (iii) dan (iv)

(H) Ramuan berikut terdapat di dalam rumusan larutan perendam lensa kontak telap gas kecuali

- (i) bahan polimer
  - (ii) tween 80
  - (iii) dwinatrium edetat
  - (iv) timerosal
- .... (a) Jika (i) dan (ii)  
.... (b) Jika (ii) dan (iv)  
.... (c) Jika (i), (ii) dan (iii)  
.... (d) Jika tiada jawapan di atas yang sesuai

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(I) Yang mana di antara ramuan berikut akan mengakis bahan logam dentur dan juga meluntur dentur?

- .... (a) Peroksida beralkali
- .... (b) Hipoklorit beralkali
- .... (c) Asid cair
- .... (d) Na N-Lauroil Sarkosinat

(J) Sejenis ramuan yang berfungsi sebagai agen humektan di dalam pasta gigi ialah

- .... (a) dwinatrium fosfat
- .... (b) karboksi metilselulosa
- .... (c) propilena glikol
- .... (d) kalium nitrat

(K) Yang mana di antara ramuan berikut tidak diluluskan oleh F.D. & C sebagai antipeluh O.T.C?

- (i) 20% Aluminum klorida dalam larutan alkohol.
- (ii) 20% Aluminum klorida dalam bentuk aerosol.
- (iii) 20% Aluminum klorida dalam bentuk 'losen'.
- (iv) 20% Aluminum klorida dalam bentuk batang.

- .... (a) Jika (i) sahaja
- .... (b) Jika (ii) dan (iii)
- .... (c) Jika (iii) dan (iv)
- .... (d) Jika (i), (ii), (iii) dan (iv)

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(L) Fluoro-Meta-Akrilat ialah sejenis bahan yang digunakan untuk menyediakan lensa kontak

- (i) keras
  - (ii) telap gas
  - (iii) lunak
- .... (a) Jika (i) sahaja
- .... (b) Jika (i) dan (ii)
- .... (c) Jika (ii) dan (iii)
- .... (d) Jika (i), (ii) dan (iii)

(M) Yang mana di antara pernyataan berikut tentang supositori vagina spermasid adalah benar?

- .... (a) Sediaan ini biasanya digunakan 5 minit sebelum perhubungan kelamin
- .... (b) Supositori ini berkesan untuk tempoh 12 jam jika tiada perhubungan kelamin
- .... (c) Spermasid di dalam supositori mengandungi mestranol
- .... (d) Supositori ini boleh bertindak sebagai pelincir

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(N) Mengikut kajian Persatuan Perancang Keluarga, Pulau Pinang, 1984, alat kontraseptif yang paling ramai penggunanya adalah

- .... (a) kondom
- .... (b) IUD
- .... (c) spermasid
- .... (d) kondom + spermasid

(O) Yang mana di antara pernyataan berikut tentang sediaan ruam adalah benar?

- .... (a) Petrolatum putih menyerap air bagi mengelakkan kulit dari menjadi kering
- .... (b) Rawatan profilaksis serbuk dan salap ke atas kulit bayi perlu untuk mengelakkan ruam
- .... (c) Sediaan serbuk atau salap yang mengandungi asid borik dengan kepekatan 3% dilaporkan mempunyai kesan toksisiti
- .... (d) Kaolin tidak menyerap peluh

(P) Yang mana di antara drug berikut mempunyai aktiviti sebagai ekspektoran?

- .... (a) Triprolidin
- .... (b) Nafazolin
- .... (c) Kalium sitrat
- .... (d) Profilheksedrin

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(Q) Yang mana di antara sediaan berikut sesuai digunakan untuk pesakit selsema yang mengalami masalah hidung berhingus?

- .... (a) Actified<sup>R</sup>
- .... (b) Benadryl CD<sup>R</sup>
- .... (c) Decolgen<sup>R</sup>
- .... (d) Hosolvon<sup>R</sup>

(R) Sediaan Polarine<sup>R</sup> sesuai untuk pesakit selsema dengan masalah

- .... (a) batuk berproduktif dan hidung berhingus
- .... (b) batuk tanpa produktif dan mata berair
- .... (c) demam, batuk tanpa produktif dan berhingus
- .... (d) hidung berhingus dan mata berair

...10/-

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(S) Semua pernyataan berikut merupakan gejala-gejala bagi amalan swapengubatan, kecuali

- .... (a) punca penyakit sebenar mungkin menjadi kabur dengan rawatan simptomatik sediaan O.T.C
- .... (b) keberkesanan drug-drug O.T.C lebih mirip kepada kesan placebo tanpa menghasilkan kesan terapeutik sebenar
- .... (c) sikap suka meminjam ubat untuk melegakan tanda atau simptom yang dianggap serupa
- .... (d) menggunakan sediaan O.T.C sebagai bantuan terapeutik bagi melegakan tanda atau simptom penyakit yang telah didiagnoskan

(T) Kejayaan farmasi komuniti bertindak sebagai penjaga kesihatan primer adalah bergantung kepada faktor-faktor berikut, kecuali

- .... (a) berpengetahuan klinikal
- .... (b) berkebolehan untuk menilai simptom-simptom penyakit
- .... (c) menyediakan julat sediaan-sediaan yang besar di farmasi
- .... (d) melakukan kaunseling dan susulan pesakit

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(U) Yang mana di antara keadaan berikut memerlukan rujukan doktor?

- .... (a) Pesakit hipertensi yang mengalami selsema dan batuk sejak 1 minggu yang lalu
- .... (b) Pesakit yang mengalami batuk untuk tempoh 2-3 bulan yang lalu
- .... (c) Pesakit asma yang mengalami demam dan selsema sejak 2 hari yang lalu
- .... (d) Pesakit yang sedang mengambil amitriptalin dan mengadu sukar hendak kencing

(V) Yang mana di antara pernyataan berikut adalah benar?

- .... (a) Pesakit yang menerima terapi IV gentamisin untuk tempoh 2 minggu tidak memerlukan tambahan vitamin K
- .... (b) Pesakit yang menjalani gastrektomi separa tidak memerlukan tambahan vitamin B
- .... (c) Terapi gabungan isoniazid-rifampisin-etambutol tidak memerlukan tambahan vitamin
- .... (d) Pesakit yang menerima terapi anti-obesiti tidak memerlukan tambahan vitamin

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

(W) Yang mana di antara vitamin berikut mudah disingkirkan melalui ginjal?

- .... (a) Retinol
- .... (b) Kalsiferol
- .... (c)  $\alpha$ -Tokoferol
- .... (d) Riboflavin

(X) Seorang pesakit diabetes menghubungi anda kerana beliau mengalami sakit kepala dan rasa hendak pitam. Kejadian ini berlaku setelah beliau menyuntik insulin yang baru dipreskripsikan oleh doktornya. Apakah tindakan anda?

- .... (a) Mencadangkan agar pesakit ini mengambil tablet parasetamol setiap 4 jam dan meminum banyak air
- .... (b) Mencadangkan langkah di dalam (a) dan terus rujuk kepada doktor
- .... (c) Mencadangkan langkah di dalam (a) dan minta pesakit terangkan jenis serta dos insulin yang beliau ambil
- .... (d) Minta pesakit terangkan jenis serta dos insulin yang beliau ambil

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

- (Y) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai terapi obesiti adalah TIDAK benar?
- .... (a) Terapi drug antiobesiti dan keberkesanannya adalah terhad
- .... (b) Sediaan benzokain adalah lebih baik daripada metilselulosa
- .... (c) Pesakit diabetes yang obes adalah tidak sesuai menggunakan sebarang agen antiobesiti
- .... (d) Diet dan motivasi tinggi adalah terapi utama

(25 markah)

2. Puan TC berumur 30 tahun telah berkahwin serta mempunyai 3 orang anak. Beliau tidak menghisap rokok, tidak mengidap darah tinggi dan kencing manis. Dia ingin menggunakan kontraseptif kerana masalah kesihatannya dan masih belajar di universiti. Puan TC menyatakan tidak suka menggunakan kontraseptif hormon atau alat kontraseptif yang selalu memerlukan motivasi.

(A) Apakah maklumat tambahan yang anda perlukan tentang puan TC sebelum anda menyarankan alat kontraseptif yang sesuai untuknya?

(5 markah)

(B) Cadangkan alat kontraseptif yang sesuai dan cara penggunaannya.

(8 markah)

(C) Terangkan mekanisme tindakan dan kesan mudarat alat kontraseptif yang disarankan di dalam (B).

(12 markah)

...15/-

3. (A) Terangkan dengan ringkas simptom-simptom untuk dua jenis gangguan Tinea Pedis dan bincangkan empat sediaan yang paling baik untuk merawatkan penyakit-penyakit ini.

(13 markah)

- (B) Bincangkan sediaan-sediaan yang boleh digunakan untuk merawat akne tak inflammatori. Apakah perhatian-perhatian yang anda akan nasihatkan kepada pesakit untuk menggunakan sediaan-sediaan di atas?

(12 markah)

4. (A) Seorang lelaki yang badannya berbau busuk datang ke Kedai Farmasi anda. Bincangkan peranan kelenjar peluh yang mempengaruhi bau badan dan syorkan sediaan-sediaan antipeluh yang berkesan kepadanya.

- (B) Seorang wanita hendak membeli sediaan mata untuk menjaga kebersihan lensa kontak telap gasnya. Syorkan sediaan-sediaan yang berkesan dan fungsi masing-masing.

(25 markah)

...16/-

5. (A) Puan TB datang ke farmasi mengadu gatal-gatal di bahagian dubur serta sukar untuk membuang air besar sejak 3-4 hari yang lalu. Beliau ingin membeli Anusol® sebagaimana yang dicadangkan oleh rakannya.
- (i) Apakah maklumat-maklumat penting yang harus anda tahu sebelum kemahuan Puan TB dipenuhi?
- (2 markah)
- (ii) Nyatakan terapi tanpa drug untuk mengatasi masalah Puan TB.
- (3 markah)
- (B) Puan MA adalah seorang obes (80 kg, 5' 1"). Beliau juga sedang mengambil tablet prazosin 2 mg t.i.d, dan indapamid 5 mg e.o.d. Beliau meminta cadangan tentang suatu sediaan yang sesuai untuk mengawal berat badannya. Apakah cadangan anda?
- (5 markah)
- (C) Encik OM ingin membeli sirap multivitamin untuk anaknya yang berumur 2½ tahun. Beliau menyatakan bahawa anaknya kelihatan tidak riang dan tidak mahu makan.
- (i) Nyatakan indikasi-indikasi untuk vitamin dan zat galian?
- (3 markah)
- (ii) Apakah cadangan anda kepada Encik OM?
- (2 markah)

(D) Encik BBB mengadu gatal-gatal kulit kepala dan meminta cadangan anda mengenai sediaan yang sesuai untuknya. Setelah anda meneliti kepalanya, anda mengagakkan bahawa masalahnya mungkin kelumumur atau dermatitis seboreik.

(i) Apakah maklumat-maklumat penting yang harus anda tahu untuk menilai masalah Encik BBB?

(ii) Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah Encik BBB?

(5 markah)

(E) Encik TA ingin membeli suatu sediaan ubat batuk. Beliau mengalami batuk sejak satu minggu yang lalu. Mengikut Encik TA, beliau telah dipreskripsi metoprolol 50 mg b.i.d dan ditambahkan kaptopril 25 mg t.i.d sejak dua minggu yang lalu.

(i) Apakah tindakan anda?

(2 markah)

(ii) Apakah maklumat penting yang harus anda beritahu Encik TA semasa kaunseling?

(3 markah)